

Perlu segera tambah baik PT3

KUALA LUMPUR 23 Dis. -

Kerajaan perlu melaksanakan penambahbaikan dan kajian secara menyeluruh terhadap pengenalan ujian Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) berikutan keputusan prestasi pelajar yang kurang memberangsangkan selepas keputusan diumumkan semalam.

Presiden Persatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP), **Hashim Adnan** berkata, secara menyeluruh keputusan PT3 amat mengecewakan dan tidak mencapai sasarannya walaupun tahun pertama diadakan.

"Saya melihat tindakan melaksanakan ujian pentaksiran tersebut terlalu tergesa-gesa dan menyebabkan pelajar serta guru-guru tidak mempunyai tempoh secukupnya untuk membuat persediaan menghadapi peperiksaan kerana pada peringkat awal diumumkan tiada peperiksaan dijalankan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sementara itu, Presiden Majlis Permuafakatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru Nasional (PIBGN), **Prof. Madya Datuk Dr. Mohamad Ali Hassan** berkata, Kementerian Pendidikan perlu segera mengumumkan secara rasmi keputusan PT3.

"Mereka perlu memberitahu secara terperinci tentang statistik keputusan PT3 agar kita mampu melaksanakan penambahbaikan dan pendekatan terbaik untuk membaiki kelemahan itu secara bersama," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM), **Noor Mohamad Shakil Hameed** berkata, prestasi pelajar dalam PT3 tidak boleh dibandingkan dengan pencapaian pelajar dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) yang diadakan sebelum ini berikutan menggunakan format dan pendekatan berbeza.